

ISLĀMIYYĀT 38(1) 2016: 25 - 34  
(<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3801-03>)

## Pengurusan Agihan Zakat Asnaf *Mu'allaf* di Majlis Agama Islam Negeri Johor The Zakat Distribution Management of *Majlis Agama Islam Negeri Johor* for the *Mu'allaf Asnaf*

ANUAR PUTEH  
RASHIDI ABBAS  
ABD. GHAFAR DON  
ZILAL SAARI  
MUHAMMAD SYAFIEE ELIAS

### ABSTRAK

*Makalah berbentuk kajian deskriptif ini bertujuan untuk meneliti pengurusan agihan zakat asnaf mu'allaf di Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Instrumen kajian yang digunakan ialah kajian dokumen dan soal selidik. Sampel kajian seramai 30 orang yang terdiri daripada kalangan saudara baru terlibat dalam kajian ini dan lokasi kajian ialah di negeri Johor Darul Takzim. Terdapat dua konstruk yang dikaji, iaitu persepsi saudara baru terhadap pengurusan agihan zakat dan kesan-kesan agihan zakat kepada saudara baru. Dapatan kajian ini menunjukkan responden agak berpuas hati dengan sistem agihan zakat di MAINJ. Secara holistik, kajian ini merumuskan bahawa agihan zakat untuk asnaf mu'allaf adalah amat penting untuk dilaksanakan dan diuruskan dengan baik demi kesejahteraan para mu'allaf, khususnya dalam hal-ehwal pengurusan agihan zakat golongan ini di MAINJ.*

*Kata kunci: Zakat; asnaf zakat; mu'allaf; Majlis Agama Islam Negeri Johor; Islam di Johor*

### ABSTRACT

*This descriptive study aims to examine the management of zakat recipients mu'allaf in Johor Religious Council (JRC or MAINJ). The instruments used are document's analysis and questionnaires. The sample consisted of 30 people among the new converts participated in this study and the study area is in the state of Johor. There are two constructs in this study: the perception of a new converts on the management of zakat distribution and the effects of the distribution of zakat to the new converts. The results discovered that the respondents are quite satisfied with the system of zakat distribution in JRC. Holistically, the study concluded that zakat distribution to new converts is very important to be implemented and managed properly for the welfare of the mu'allaf, especially in the affairs of the management of zakat distribution in JRC.*

*Keywords: Zakat; zakat recipient; new converts; Johor Religious Council; Islam in Johor*

### PENGENALAN

Islam ialah agama yang bersifat tolong-menolong dan bantu membantu selain bersifat saling melindungi. Bagi melestarikan tujuan kehidupan manusia di muka bumi ini, maka Islam telah mensyariatkan Rukun Islam yang menjadi asas kepada seluruh umatnya. Kelima-lima rukun itu mencakupi semua aspek muamalah dalam kehidupan iaitu memelihara hubungan dengan Allah dan hubungan dengan sesama manusia. Zakat adalah rukun yang ketiga dalam susunan Rukun Islam. Kewajipan berzakat yang telah difardukan kepada umat Islam adalah bertujuan untuk mengukuhkan dan menjalin hubungan yang baik sesama masyarakat. Zakat jika diteliti dari aspek ekonomi, akan meninggalkan kesan kepada asnaf yang menerima zakat tersebut. Justeru itu, Islam

mewajibkan kepada sesiapa yang cukup syaratnya untuk mengeluarkan hartanya kepada golongan asnaf yang telah disebutkan dalam al-Qur'an. Ia juga mampu memperkasakan ekonomi umat Islam selain membersihkan harta yang dimiliki agar ia tidak menjadi persoalan di hari akhirat kelak (Hassan & Azura 2014). Harta yang dikurniakan Allah SWT itu, pada hakikatnya tidak menjadi hak mutlak kepada kita keseluruhannya kerana terdapat hak atau bahagian orang lain yang perlu dikongsi bersama melalui platform zakat.

Pelaksanaan zakat seringkali dikaitkan dengan golongan yang baru memeluk Islam, iaitu *mu'allaf* (saudara baru). Golongan *mu'allaf* merupakan satu daripada asnaf zakat, iaitu golongan yang layak menerima zakat. Pensyariatan pengagihan zakat untuk golongan *mu'allaf* ini adalah untuk mempamerkan keindahan Islam, di samping

bertujuan untuk membantu golongan ini pada saat mereka masih memerlukan sokongan dan bimbingan dalam meningkatkan keimanan mereka (Fuadah et al. 2013). Seterusnya mereka dapat memahami dan mengamalkan ajaran hidup sebagai Muslim (Rahisam 2013). Menerusi bantuan zakat turut dapat melahirkan *sense of belonging* (rasa kebersamaan) dalam kalangan umat Islam (Nuruul Hidayah et al. 2014; Patmawati 2008). Oleh yang demikian, zakat dan saudara baru merupakan elemen yang amat penting dalam pelaksanaannya demi menjamin kemaslahatan bersama di dunia dan akhirat.

Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk meneliti pengurusan agihan zakat asnaf *mu'allaf* di Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Menurut Mohamad Najib (2006), kajian deskriptif adalah bertujuan untuk menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kumpulan yang dikaji, menerangkan perhubungan antara pembolehubah dan memberi kesimpulan yang lebih tepat mengenai permasalahan yang dikaji. Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat dalam melaksanakan kajian ini dan data yang diperoleh dinilai mengikut aspek yang telah ditentu dan ditafsirkan secara kuantitatif. Penyelidik mengedarkan soal selidik kepada 30 orang saudara baru sebagai sampel kajian. Seterusnya, penyelidik mengumpulkan kembali set soal selidik tersebut untuk dianalisis bagi mendapatkan hasil dapatan, membuat rumusan serta memberikan cadangan.

## GOLONGAN PENERIMA ZAKAT

Setelah memahami kepentingan menunaikan kewajipan zakat, umat Islam perlu mengetahui kepada siapa hasil zakat tersebut diagihkan. Maksud Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah, ayat 60, yang mafhumnya:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang *mu'allaf* yang dijinakkan hatinya, dan untuk hambahamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Ayat di atas menjelaskan terdapat golongan yang berhak menerima zakat yang mengagihkannya kepada lapan golongan sebagaimana penetapan al-Qur'an. Empat golongan ialah berkaitan dengan orang Islam yang miskin dan memerlukan bantuan, iaitu fakir, miskin, musafir yang kehabisan bekalan

dan orang yang berhutang. Manakala tiga golongan pula berkaitan dengan peningkatan syiar dan pertahanan kepercayaan Islam, iaitu *mu'allaf* atau saudara baru, pembebasan hamba dan pejuang-pejuang Islam serta yang terakhir ialah kepada pentadbir zakat itu sendiri (Noor Elyana 2005). Memandangkan penerima zakat sudah ditentukan oleh Allah SWT, penggunaan kutipan zakat dan agihannya tidak boleh tersasar daripada lapan golongan ini. Selagi mana golongan yang berhak menerima 'sedekah' ini masih ada, selagi itulah hasil kutipan ini perlu diserahkan kepada mereka.

## MU'ALLAF DAN AGIHAN ZAKAT

Satu daripada golongan yang layak menerima agihan zakat ialah asnaf *mu'allaf*. Dari segi bahasa, *mu'allaf* mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam tetapi belum kukuh Islamnya (Rahisam 2013).

Zakat dan *mu'allaf* bagaikan dua hubungan yang akrab, iaitu dalam konsep memberi dan menerima. Apabila seorang *mu'allaf* mengucapkan dua kalimah syahadah, secara langsungnya mereka layak dan tergolong dalam kumpulan penerima zakat atau lebih dikenali sebagai kumpulan asnaf lapan. Golongan ini perlu dibantu atas dasar mereka sebagai *mu'allaf* dan bukannya disebabkan kemiskinan, kefakiran atau sebab-sebab lain. Selain itu, zakat juga memainkan peranan yang penting untuk memenangi dan melembutkan hati *mu'allaf* agar terus mengikuti cara hidup Islam (Fuadah et al. 2013).

Merujuk kepada ayat 60, surah al-Tawbah, *mu'allaf* dibahagikan kepada kelompok Muslim dan juga bukan Muslim. Bagi kelompok yang bukan Muslim ialah seperti berikut:

1. Golongan yang diharapkan keIslamannya atau keIslamannya kelompok serta keluarganya. Ini dapat digambarkan melalui kisah Safwan ibn Umayyah pada pembukaan kota Makkah. Nabi Muhammad SAW telah memberinya beberapa ekor unta lalu Baginda berkata: "Ini adalah pemberian bagi orang yang tidak takut fakir" (al-Maraghi 1974). Lalu Safwan berkata: "Demi Allah, Rasulullah SAW telah memberi kepadaku padahal Baginda ialah orang yang paling ku benci, namun Baginda tidak pernah berhenti daripada memberi kepadaku, sehingga Baginda menjadi orang yang paling aku sayangi".
2. Golongan orang yang dikhuatiri kelakuan jahatnya. Mereka ini dimasukkan ke dalam

kelompok orang yang berhak mendapat zakat, dengan harapan dapat mencegah kejahatannya.

Manakala bagi kelompok *mu'allaf* yang Muslim pula dibahagikan kepada ciri-ciri berikut:

1. Golongan orang yang baru memeluk Islam. Mereka perlu diberi penghormatan agar bertambah mantap keyakinannya terhadap Islam. Al-Maraghi (1974) menambah mereka ini ialah para tawanan perang yang telah dibebaskan, daripada penduduk Mekah yang telah memeluk Islam. Terdapat dalam mereka ini terdiri daripada orang munafik dan juga golongan yang lemah keimanan mereka.
2. Pemimpin dan tokoh masyarakat yang telah memeluk Islam dan mempunyai kenalan orang kafir. Dengan memberi mereka bahagian zakat, ini diharapkan dapat menarik simpati mereka untuk memeluk Islam.
3. Pemimpin dan tokoh kaum Muslimin yang berpengaruh dalam kalangan kaumnya akan tetapi imannya masih lemah. Mereka diberi bahagian daripada zakat dengan harapan imannya menjadi tetap dan kuat, kemudian memberikan dorongan semangat berjihad dan kegiatan lain.
4. Kaum Muslimin yang tinggal di sempadan- sempadan negara musuh. Golongan ini diberikan zakat dengan harapan dapat mempertahankan diri dan membela kaum Muslimin lainnya yang tinggal jauh dari perbatasan itu daripada serbuan musuh.
5. Kaum Muslimin yang memerlukan untuk mengurus zakat orang yang tidak mahu mengeluarkannya kecuali dengan paksaan seperti diperangi.

Imam al-Shafi'i berpendapat bahawa golongan *mu'allaf* itu ialah orang yang baru memeluk Islam. Oleh itu, mereka diberikan zakat yang tidak diperuntukkan untuk kaum Musyrik agar hati mereka tertarik dengan Islam. Walau bagaimanapun, terdapat satu peristiwa ketika Nabi Muhammad SAW. pernah memberi bahagian daripada *mu'allaf* ini kepada sebahagian orang Musyrik, yang pemberian itu sebenarnya berasal daripada harta *al-fay'* dan khusus daripada harta Nabi Muhammad SAW. Ulama lain pula berpendapat mereka masih tetap diberi kerana Rasulullah SAW tetap memberi kepada mereka sesudah kemenangan ke atas Makah dan sesudah kalahnya puak Hawazin (al-Maraghi 1974). Hal ini merupakan satu perkara yang kadang kala diperlukan, sebahagian daripada zakat diberikan kepada mereka yang masih dijinakkan hatinya untuk memeluk Islam.

Asnaf *mu'allaf* mendapat hak istimewa zakat dengan menjadi asnaf daripada lapan kategori asnaf (Faizal 2011). Zakat bukan sekadar bentuk bantuan kewangan kepada asnaf, bahkan ia adalah satu dorongan kepada hasil perhubungan awam Islam dan satu medium yang dapat meningkatkan tahap perekonomian. Ia juga satu saripada tanggungjawab sosial dan secara tidak langsung memacu ke arah pembangunan ummah (Mujaini 2005a; Mujaini 2005b).

#### HIKMAH KEFARDUAN ZAKAT KEPADA *MU'ALLAF*

Zakat ialah antara aspek penting dalam kehidupan umat Islam. Kefarduan zakat terhadap *mu'allaf* khasnya dapat memberikan ruang kepada mereka untuk meneruskan hidup dengan jalan baru yang dipilih. Antara hikmah zakat terhadap *mu'allaf* ialah:

1. Meringankan beban yang ditanggung oleh *mu'allaf* tersebut setelah memeluk agama Islam. Kebanyakan *mu'allaf* yang memeluk Islam mengalami masalah seperti kehilangan pekerjaan, penyingkiran oleh ahli keluarga dan sikap diskriminasi oleh masyarakat Melayu. Pemberian zakat ini dapat mengembalikan semangat mereka untuk meneruskan kehidupan.
2. Ibadah zakat ini secara tidak langsung dapat menguatkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang sesama umat Islam tidak kira bangsa atau warna kulit. Dengan ini, tiada sifat prejudis dan diskriminasi terhadap *mu'allaf*. Sifat saling membantu mengurangkan beban dan kesusahan diaplikasikan melalui dengan cara yang betul. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah, ayat 2, yang mafhumnya:
 

Dan hendaklah kamu tolong-menolong untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu saling tolong-menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah SWT, kerana Sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).
3. Ibadah zakat dapat membuktikan Islam merupakan agama yang amat menitikberatkan aspek sosial dan kehidupan umatnya. Dalam istilah lain, pemberian zakat kepada *mu'allaf* sekali gus dapat menguat dan mengukuhkan lagi keimanan mereka terhadap agama Islam.
4. Zakat yang diterima oleh golongan *mu'allaf* sedikit sebanyak dapat merangsang orang bukan

Islam mahupun kumpulan-kumpulan bukan Islam supaya cenderung terhadap agama Islam.

Pelaksanaan zakat kepada golongan yang berhak menerimanya sudah pasti memperoleh ganjaran di sisi Allah SWT. Justeru, bagi menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat, segala perintah-Nya khususnya terhadap kewajipan berzakat mesti dipatuhi demi kemaslahatan bersama.

#### SKIM BANTUAN ZAKAT MAINJ

MAINJ telah menyediakan beberapa skim bantuan yang boleh dimohon di seluruh cawangan MAINJ di setiap daerah sebagaimana kupasa berikut:

##### SKIM BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI

Skim ini disediakan bagi membantu golongan fakir dan miskin membuat persediaan dan persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Penerima adalah mengikut banciaan yang dijalankan oleh amil fitrah di setiap kariah dan disahkan oleh Ketua Kampung atau Penghulu. Skim ini bukan sahaja diberikan kepada golongan fakir dan miskin, malah turut diberikan kepada kumpulan saudara baru dan proses pengagihan ini dilakukan dalam satu majlis yang telah diaturkan seperti Majlis Berbuka Puasa Saudara Baru oleh Unit Ukhuwah JAIJ.

##### SKIM BANTUAN SARA HIDUP BULANAN

Skim ini disediakan untuk membantu mereka yang tidak berupaya menyediakan keperluan harian bagi menyara kehidupan sekeluarga disebabkan kemiskinan. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk bantuan kewangan bulanan mengikut keperluan asasi sesebuah keluarga. Bantuan ini diberikan secara berterusan sehingga penerima bantuan mampu berdikari dan terkeluar daripada garisan kemiskinan. Bagi golongan saudara baru, mereka layak mendapat bantuan melalui skim ini dengan berdasarkan penelitian dan siasatan latar belakang bagi memastikan mereka sememangnya layak dalam mendapat bantuan menerusi skim ini. Untuk skim ini, MAINJ tidak mengehadkan sebarang tempoh pemberian bantuan kepada saudara baru. Terdapat sebilangan kecil dalam kalangan saudara baru yang layak mendapat bantuan ini seumur hidup berdasarkan beberapa faktor yang telah ditetapkan.

#### SKIM BANTUAN PERUBATAN

Skim ini disediakan untuk membantu pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan untuk menanggung kos rawatan penyakit yang dialami kerana kos perubatan yang tinggi yang ditanggung secara sementara atau berterusan. Bagi rawatan perubatan, MAINJ menyediakan pembiayaan bagi rawatan bulanan pelbagai jenis penyakit dan juga pembelian peralatan perubatan.

#### SKIM BANTUAN PERUMAHAN

Skim ini disediakan untuk membantu golongan yang tidak dapat menyediakan keperluan asas tempat tinggal disebabkan kemiskinan atau bencana alam yang menimpa dan menyebabkan hilang kemampuan untuk mengadakannya. Skim bantuan perumahan berupa wang sewa rumah atau dalam bentuk pembinaan semula rumah akibat bencana seperti kebakaran adalah tertakluk kepada tahap kelayakan seperti kos sewa rumah yang ditanggung atau tahap kerosakan rumah akibat bencana tersebut.

#### SKIM BANTUAN BERDIKARI

Skim ini disediakan untuk membantu masyarakat fakir dan miskin atau mereka yang layak menerima bantuan untuk meningkatkan taraf hidup melalui usaha sendiri seperti berniaga dan sebagainya. Skim ini juga bagi melahirkan masyarakat Islam berdikari dan rajin berusaha seterusnya dapat menunaikan tuntutan beribadah kepada Allah SWT.

#### SKIM BANTUAN PELAJARAN

Skim ini disediakan untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan kewangan bagi meneruskan pendidikan diri dan keluarga mereka. Dengan bantuan ini, diharap dapat mempertingkatkan taraf pendidikan golongan fakir dan miskin ke tahap terbaik, terutama di peringkat anak-anak yang masih belajar dan berpotensi untuk berjaya. Skim bantuan pelajaran ini merangkumi bantuan bagi pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan juga merangkumi bantuan pembiayaan bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi.

#### SKIM BANTUAN MENJELASKAN HUTANG

Skim ini dibahagikan kepada tiga pecahan, iaitu hutang keperluan asasi hidup, hutang pelajaran dan hutang perubatan. Skim ini hanya diberikan kepada



pemohon yang layak sahaja setelah diteliti serta disiasat oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah dan tidak melanggar batas-batas syarak.

#### SKIM BANTUAN SEGERA (KECEMASAN)

Skim bantuan segera dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bencana alam dan bantuan keperluan harian. Bantuan segera bagi bencana alam diberikan kepada mangsa seperti kebakaran rumah, pegawai MAINJ akan melawat ke tempat bencana dan mengambil maklumat mangsa dan berdasarkan penyiasatan yang dilakukan, MAINJ akan membuat keputusan, sama ada untuk memberi bantuan dari segi kewangan atau pembinaan rumah.

#### SKIM BANTUAN KEBAJIKAN DAN SAUDARA BARU


Bantuan ini diberikan khusus kepada saudara baru. Di bawah skim ini terdapat bantuan yang diberikan bagi mereka yang menghadiri kelas bimbingan. Elaun ini diberikan berdasarkan jarak kilometer dari kediaman saudara baru ke kelas bimbingan tersebut. Selain itu, di bawah skim ini, saudara baru mendapat bantuan sama ada berbentuk bantuan bulanan atau dalam bentuk bantuan mengikut skim-skim yang di mohon oleh saudara baru tersebut.

Selain Skim Bantuan Kebajikan dan Saudara Baru, skim bantuan lain turut diberikan kepada golongan saudara baru sekiranya mereka memohon untuk mendapatkan bantuan melalui skim-skim yang telah disediakan. Permohonan yang telah dibuat akan diteliti oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah sebelum kelulusan diberikan (Majlis Agama Islam Negeri Johor 2011).

#### PERSEPSI SAUDARA BARU TERHADAP PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT DI MAINJ

Proses pengurusan zakat terhadap golongan asnaf telah ditetapkan oleh MAINJ, berpandukan skim-skim yang telah disediakan. Namun jumlah yang diterima adalah berbeza memandangkan skim-skim ini adalah dalam bentuk yang berbeza. Bagi melihat kepada aspek pengurusan agihan zakat kepada golongan *mu'allaf* saudara baru atau di MAINJ, 30 orang sampel saudara baru telah dipilih untuk menjawab beberapa soalan dalam soal selidik. Penelitian ke atas pengurusan zakat saudara baru dapat diamati melalui hasil soal selidik ini.

#### SUMBER MENGETAHUI TERDAPAT BANTUAN SAUDARA BARU




RAJAH 1. Sumber Mengetahui terdapat Bantuan Saudara Baru  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 1 menunjukkan sumber-sumber saudara baru mengetahui terdapat bantuan zakat terhadap mereka. Menurut data yang diperolehi, responden kajian mengetahui terdapat bantuan zakat melalui penggerak dakwah (guru bimbingan) yang mendapat jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 66.7% mewakili sebanyak 20 orang responden. Manakala sumber-sumber lain seperti rakan ialah seramai enam orang mewakili 20%. Selain itu, mereka juga mengetahui terdapat agihan zakat ini melalui ketua kampung, iaitu seramai tiga orang (10%) dan hanya seorang sahaja responden yang mengetahui perkara tersebut, iaitu melalui jiran sebanyak 3.3%.

Dapatan soal selidik ini menunjukkan golongan asnaf saudara baru mengetahui terdapat skim bantuan saudara baru melalui penggerak dakwah atau guru bimbingan saudara baru.

#### BILANGAN BANTUAN YANG PERNAH DITERIMA




RAJAH 2. Bilangan Bantuan yang Pernah Diterima  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 2 menunjukkan bilangan bantuan yang diterima oleh responden. Daripada soal selidik yang telah diedarkan, responden yang pernah menerima bantuan sebanyak sekali mendapat jumlah yang paling ramai, iaitu sebanyak 40% atau seramai 12 orang. Manakala tujuh orang mewakili sebanyak 23.3% yang pernah mendapat bantuan sebanyak dua kali. Selain itu, hanya 10% responden, iaitu tiga orang telah mendapat bantuan sebanyak tiga kali

dan responden yang mendapat bantuan sebanyak empat kali atau lebih adalah sebanyak tujuh orang mewakili 23.3%. Dapat dirumuskan bahawa majoriti saudara baru hanya mendapat bantuan sekali sahaja dalam setahun.


#### JENIS BANTUAN YANG DITERIMA



RAJAH 3. Jenis Bantuan yang Diterima  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 3 merumuskan skim bantuan yang diterima oleh saudara baru. Bagi skim bantuan hari raya telah mendapat peratusan tertinggi, iaitu 56.7% yang mewakili sebanyak 17 orang responden. Manakala skim bantuan yang lain seperti bantuan sara hidup bulanan mendapat peratusan sebanyak 23.3%, iaitu seramai tujuh orang responden. Selain itu, peratusan bagi mereka yang menerima skim bantuan dan kebajikan saudara baru mendapat 20%, iaitu seramai enam orang. Dapatan kajian melalui skim bantuan dan kebajikan saudara baru mendapat peratusan kajian yang sedikit rendah disebabkan sebilangan responden merupakan golongan yang baru memeluk Islam dan tidak mengetahui tentang skim ini. Penerima skim bantuan ini diuruskan oleh MAINJ dengan kerjasama Unit Ukhuwah dan Saudara Baru Pejabat Agama Daerah. Manakala skim bantuan lain seperti skim bantuan perumahan, berdikari, perubatan dan pelajaran tidak mendapat sebarang peratusan. Ini berkemungkinan responden tidak mengetahui tentang skim lain yang boleh dimohon.


#### NILAI BANTUAN YANG DITERIMA



RAJAH 4. Nilai Bantuan yang Diterima  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Hasil kajian yang ditunjukkan pada Rajah 4 ialah nilai bantuan yang diterima oleh asnaf saudara baru. Secara keseluruhannya, nilai bantuan yang diterima oleh saudara baru melalui skim-skim seperti bantuan sara hidup, hari raya dan bantuan kebajikan saudara baru oleh MAINJ ialah sebanyak RM500.00 ke bawah, iaitu 100% mewakili 30 orang reponden. Ini adalah berkemungkinan responden tidak memohon skim-skim bantuan selain sara hidup, hari raya dan bantuan dan kebajikan saudara baru. Selain itu, bantuan tambang perjalanan bagi mereka yang mengikuti kelas bimbingan saudara baru adalah tertakluk kepada jarak perjalanan kediaman saudara baru ke kelas bimbingan tersebut.

#### TEMPOH BANTUAN ZAKAT




RAJAH 5. Tempoh Bantuan Zakat  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Hasil penelitian yang dilakukan terhadap responden mendapati jumlah responden yang tidak pasti tempoh bantuan zakat yang diterima adalah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 66.7% mewakili seramai 20 orang. Bagi responden yang mendapat bantuan selama 2 hingga 3 tahun dan seumur hidup, masing-masing mendapat peratusan sebanyak 3.3% mewakili seorang sahaja. Responden yang mendapat bantuan seumur hidup adalah berdasarkan faktor-faktor tertentu yang telah diteliti oleh MAINJ seperti faktor umur, kesihatan dan jumlah tanggungan. Manakala bagi yang menerima bantuan selama satu tahun ke bawah hanya mendapat peratusan sebanyak 26.7%, iaitu seramai lapan orang. Oleh yang demikian, ramai daripada saudara baru tidak pasti selama mana mereka akan menerima bantuan seperti bantuan hari raya, sara hidup dan bantuan kebajikan saudara baru. Ini tertakluk kepada jumlah permohonan kepada MAINJ.

#### BANTUAN YANG DITERIMA MEMADAI


Hasil kajian terhadap saudara baru tentang bantuan yang diberikan adalah memadai, menunjukkan peratusan responden yang setuju ialah sebanyak 50%, iaitu seramai 15 orang. Manakala bagi responden yang tidak setuju ialah seramai 10 orang,



RAJAH 6. Bantuan yang Diterima Memadai  
SUMBER: Soal Selidik 2015

iaitu sebanyak 33.3%. Bagi peratusan responden yang tidak pasti ialah seramai empat orang yang mewakili peratusan sebanyak 13.3% dan hanya seorang sahaja responden yang sangat setuju dengan bantuan yang diberikan adalah memadai sebanyak 3.3%. Manakala item sangat tidak setuju tidak dijawab oleh semua responden.


PROSEDUR PERMOHONAN MUDAH DAN PANTAS



RAJAH 7. Prosedur Permohonan Mudah dan Pantas  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 7 menunjukkan hasil kajian tentang prosedur permohonan zakat yang mudah dan pantas. Responden yang bersetuju memperoleh peratusan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 50% mewakili seramai 15 orang. Manakala bagi reponden yang tidak setuju memperoleh peratusan sebanyak 26.7% atau seramai lapan orang. Bagi responden yang tidak pasti memperoleh peratusan sebanyak 20%, iaitu seramai enam orang. Hanya seorang sahaja responden sahaja yang sangat bersetuju dengan prosedur permohonan bantuan zakat mudah dan pantas, iaitu sebanyak 3.3%. Bagi item sangat tidak setuju tidak dijawab oleh responden. Dapat dirumuskan bahawa prosedur yang telah ditetapkan untuk permohonan bantuan zakat adalah mudah dan pantas.

LAYANAN BAIK DAN MEMUASKAN




RAJAH 8. Layanan Baik dan Memuaskan  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 8 menunjukkan peratusan tentang layanan yang diberikan oleh kakitangan MAINJ. Peratusan responden yang bersetuju adalah yang tertinggi, iaitu 63.3% seramai 19 orang. Manakala bagi reponden yang sangat bersetuju memperoleh peratusan sebanyak 23.3%, iaitu seramai tujuh orang. Bagi responden yang tidak setuju mendapat peratusan sebanyak 10%, iaitu seramai tiga orang. Hanya seorang sahaja responden yang tidak pasti dengan layanan yang diberikan, iaitu mewakili sebanyak 3.3%. Menerusi penelitian ini, tahap layanan yang diberikan kepada saudara baru adalah baik dan memuaskan.

KESAN AGIHAN ZAKAT KEPADA SAUDARA BARU DI MAINJ

Menerusi bahagian ini, kajian ini akan menjelaskan isu kesan agihan zakat ke atas saudara baru yang telah menerima skim bantuan yang diperuntukkan oleh MAINJ. Setiap seorang responden mempunyai tahap penilaian yang berbeza. Beberapa soalan telah dibentuk untuk menghurai sejauh mana aspek ini dapat mempengaruhi kehidupan saudara baru.

TAHAP KEPUASAN TERHADAP BANTUAN YANG DIBERIKAN




RAJAH 9. Tahap Kepuasan terhadap Bantuan yang Diberikan  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 9 menunjukkan pelbagai pendapat dan persepsi responden tentang agihan zakat dan bantuan yang diberikan kepada mereka. Sebanyak 20 orang, iaitu

66.7% responden telah memberikan keputusan yang positif, iaitu dengan menyatakan mereka berpuas hati dengan bantuan serta peruntukan yang diberikan. Manakala sebanyak 30% responden bersamaan sembilan orang menyatakan ketidakpuasan hati terhadap bantuan tersebut. Hanya seorang responden, iaitu 3.3% tidak menjawab item ini. Dapatan ini dapat dikaitkan dengan keadaan serta kondisi yang dialami oleh responden. Sekiranya responden tersebut memohon di bawah skim bantuan lain, ia perlu mengikut tahap peringkat dan prosedur yang telah ditetapkan. Perkara ini menimbulkan perasaan negatif tersebut dalam kalangan mereka. Di samping itu, dapatan ini melibatkan jumlah bantuan yang diterima khususnya bagi responden untuk menampung hidup mereka. Bagi pemohon yang memohon skim bantuan lain seperti perumahan, pihak MAINJ akan menjalankan pemantauan bagi memastikan keadaan sebenar pemohon.


#### BANTUAN DAPAT MENGURANGKAN BEBAN



RAJAH 10. Bantuan Dapat Mengurangkan Beban  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 10 menghuraikan skim bantuan yang diberikan oleh MAINJ kepada saudara baru, dapat menampung beban bagi responden. Ini dapat dijelaskan melalui peratusan yang diperoleh daripada responden iaitu sebanyak 53.3%, iaitu seramai 16 orang responden yang mengatakan 'Ya'. Bagi responden yang memberikan pendapat yang sebaliknya (Tidak), mendapat peratusan sebanyak 46.7%, iaitu seramai 14 orang. Menerusi penelitian ini, dapat diuraikan bantuan yang diberikan kepada mereka mampu mengurangkan beban seharian mereka. Di samping itu, bantuan yang diberikan dikatakan tidak mencukupi bagi sebahagian kelompok responden. Ini kerana responden tersebut mempunyai tanggungan yang ramai, di samping kos hidup yang tinggi.


#### KEMAMPUAN MEMILIKI RUMAH SENDIRI



RAJAH 11. Kemampuan Memiliki Rumah Sendiri  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 11 membentangkan hasil kajian kesan agihan zakat terhadap saudara baru. Peratusan responden yang tidak mampu memiliki rumah kediaman sendiri adalah yang paling tinggi sebanyak 63.3%, iaitu seramai 19 orang. Manakala bagi mereka yang mampu memiliki rumah sendiri ialah 33.3% mewakili seramai 10 orang. Hanya 3.3% (seorang) responden tidak menjawab item ini. Sekiranya dilihat kepada kelompok responden yang tidak mampu memiliki rumah kediaman sendiri itu, ini kerana disebabkan oleh saudara baru yang menginap di rumah keluarga angkat atau tinggal bersama dengan keluarga mertua. Selain itu juga, bagi responden yang mampu memiliki rumah sendiri, mereka berkemungkinan sudah memiliki rumah mereka sendiri sebelum mereka memeluk Islam.

#### TAHAP PENDIDIKAN ANAK SEMAKIN BAIK




RAJAH 12. Tahap Pendidikan Anak Semakin Baik  
SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 12 menjelaskan kesan bantuan yang diberikan terhadap tahap pendidikan anak responden semakin baik. Ini dapat ditunjukkan melalui hasil kajian bagi responden yang memberi pendapat yang positif terhadap tahap pendidikan anak-anak mereka memperoleh peratusan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 70% bersamaan 21 orang responden. Manakala bagi responden yang memberi pandangan sebaliknya, peratusan sebanyak 30%, iaitu menyamai



seramai sembilan orang responden. Ini dapat dihuraikan apabila dengan bantuan yang diterima, tahap pendidikan anak-anak responden semakin baik. Tetapi jika diperhatikan pada hasil kajian menerusi mereka yang mengatakan tidak, ia boleh disimpulkan kemungkinan responden merupakan seorang bujang, tidak mempunyai anak atau anak mereka masih belum bersekolah lagi. Sebagai contoh, bagi mereka yang memohon skim pelajaran yang telah diperuntukan, pihak MAINJ akan memantau keadaan pelajar tersebut. Bantuan pembiayaan skim ini akan disalurkan terus kepada pihak sekolah untuk urusan yang berkaitan seperti yuran pengajian dan asrama.

TARAF KEHIDUPAN BERTAMBAH BAIK BERBANDING SEBELUM INI




RAJAH 13: Taraf Kehidupan Bertambah Baik Berbanding Sebelum Ini  
 SUMBER: Soal Selidik 2015

Rajah 13 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi taraf kehidupan saudara baru setelah mendapat bantuan. Peratusan kehidupan responden bertambah baik adalah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 83.3% bersamaan 25 orang. Manakala sebanyak 16.7% dalam kelompok responden tidak mencapai taraf kehidupan yang baik setelah menerima bantuan, iaitu lima orang. Merujuk taraf kehidupan, majoriti responden dapat menikmati kehidupan yang amat baik setelah memperoleh bantuan. Terdapat antara mereka sudah mempunyai sumber pendapatan sendiri. Manakala taraf kehidupan mereka yang tidak meningkat, ia berkemungkinan mempunyai tanggungan atau hanya menumpukan kepada bantuan yang diberikan tanpa sebarang pekerjaan sampingan.

BANTUAN DAPAT MEMPENGARUHI ORANG LAIN MEMELUK ISLAM

Rajah 14 menunjukkan pendapat tentang bantuan yang diberikan kepada saudara baru dapat mempengaruhi orang lain untuk memeluk Islam. Sebanyak 53.3% bersamaan 16 orang mengatakan tidak mempengaruhi orang lain memeluk Islam. Manakala sebanyak 14



RAJAH 14: Bantuan Dapat Mempengaruhi Orang Lain Memeluk Islam  
 SUMBER: Soal Selidik 2015

orang bersamaan 46.7% responden mengatakan ia dapat mempengaruhi orang lain untuk memeluk Islam. Bantuan yang diberikan boleh membuka pintu hati orang bukan Islam tentang keperihatinan Islam terhadap umatnya lebih-lebih lagi bagi mereka yang baru sahaja memeluk Islam. Selain itu, saudara baru sendiri boleh menjadi medium untuk mempengaruhi orang sekeliling mereka yang bukan Islam, sama ada rakan-rakan, saudara-mara atau jiran tetangga. Justeru, pemberian ini sedikit sebanyak membantu dalam kelancaran jalan dakwah khususnya kepada golongan bukan Islam.

KESIMPULAN

*Mu'allaf* atau saudara baru merupakan golongan yang perlu diberikan sokongan dan bantuan, sama ada dari bentuk material mahupun spiritual. Apabila bermula kehidupan baru sebagai seorang Islam, sudah semestinya banyak dugaan dan cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh mereka. Pelbagai tentangan dan halangan yang perlu dihadapi oleh golongan ini, terutamanya daripada keluarga. Terdapat kalangan mereka ini yang dipulau dan disisih oleh ahli keluarga sendiri dan saudara-mara serta tidak ketinggalan terdapat dalam kalangan rakan mereka yang melakukan sedemikian gara-gara saudara baru ini memilih jalan hidup yang paling diredai, iaitu agama Islam.

Dengan demikian, peranan organisasi dan institusi yang menguruskan zakat, secara tidak langsung dapat meringankan beban dan masalah yang dihadapi oleh saudara baru. Pengurusan zakat yang efisien terhadap saudara baru merupakan satu langkah yang sewajarnya dilakukan (Nuruul Hidayah et al. 2014). Aspek pengurusan yang meliputi skim-skim bantuan yang diperuntukkan kepada saudara baru perlu diambil kira. Sepanjang menjalankan penyelidikan ini, kajian ini telah menemui seramai 30 orang saudara baru dan beberapa cabaran telah dilalui oleh pengkaji ketika berurusan dengan mereka. Terdapat beberapa

orang dalam kalangan saudara baru mengalami kesukaran untuk memahami bahasa Melayu, sama ada pertuturan atau secara penulisan. Ini kerana sebilangan kecil daripada mereka tidak bersekolah dan terdapat dalam kalangan mereka yang berasal dari India, Thailand dan Nepal. Mereka telah berhijrah ke Malaysia untuk bekerja dan berkahwin dengan orang tempatan dan masih menunggu keputusan permohonan warganegara Malaysia daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Namun begitu, terdapat sedikit kekurangan dari segi tempoh permohonan dan kelulusan oleh pihak MAINJ dalam pengurusan zakat yang dijalankan ke atas saudara baru. Isu-isu seperti kelewatan bantuan yang diperoleh sudah sebatian dengan bidang tugas para pegawai di MAINJ. Walau bagaimanapun, kajian ini amat berkeyakinan bahawa pihak institusi pengurusan zakat seperti MAINJ telah memantau perkara ini dan mengambil inisiatif dan tindakan yang sewajarnya.

#### RUJUKAN

- Faizal Riduan. 2011. Muallaf Asnaf Kelas Kedua?. *Milenia Muslim*. Januari: 12-14.
- Fuadah Johari, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Mohd Faisal Ibrahim & Ahmad Fahme Mohd Ali. 2013. Zakat distribution and programme for sustaining muallaf belief and thought. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)* 66: 35-43.
- Hassan Arshad & Azura Mohd Nor. 2014. Zakat: Keharmonian masyarakat dan kemakmuran negara. *Prosiding Symposium of International Language & Knowledge (SiLK 2014)*, hlm. 1-16.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). 2011. Agihan Zakat (atas talian) <http://www.MAINJ.gov.my/agihan/index.html> [25 Mei 2011].
- al-Maraghi. 1394H/1974M. *Tafsir al-Maraghi*. Terj. Muhammad Thalib. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2006. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam Selangor: Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UiTM.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Noor Elyana Mohd Sukis. 2005. Fungsi agihan zakat dalam konteks dakwah saudara baru: Kajian di Pusat Zakat Selangor. Latihan Ilmiah Sarjanamuda. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nuruul Hidayah Mansor, S. Salahuddin Suyurno & Norajila Che Man. 2014. Pemerkasaan agihan zakat sebagai medium pembangunan masyarakat. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, hlm. 1-15.
- Patmawati Ibrahim. 2008. Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah* 16(2): 223-244.
- Rahisam Ramli. 2013. Mekanisme agihan zakat muallaf berdasarkan realiti semasa. *Proceedings of World Universities' Islamic Philanthropy Conference 2013*, hlm. 1-8.
- Soal Selidik. 2015. Kajian soal selidik mengenai pengurusan agihan zakat asnaf *Mu'allaf* di Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Anuar Puteh  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
anteh@ukm.edu.my
- Rashidi Abbas  
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
MALAYSIA  
rashidi@ump.edu.my
- Abd. Ghafar Don  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
a.g.don@ukm.edu.my
- Zilal Saari  
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
MALAYSIA  
zilal@ump.edu.my
- Muhammad Syafiee Elias  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA